

NO. SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

RUJUKAN : 9086

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tahap ancaman pengganas seperti DAESH terhadap Malaysia setelah Kerajaan Australia mengeluarkan amaran kepada rakyatnya untuk melancong ke negara yang dikhuatiri menjadi sasaran.

JAWAPAN:

Kerajaan mengambil maklum akan hak Kerajaan Australia untuk mengeluarkan *Travel Advise* kepada rakyatnya melalui laman web rasminya pada 21 Februari 2016 akan dakwaan Kuala Lumpur merupakan sasaran serangan pengganas DAESH dan tidak menggalakkan rakyatnya untuk melawat Malaysia atas faktor keselamatan.

Walaupun ancaman yang dibawa oleh kumpulan pengganas terutamanya Daesh adalah benar dan nyata, Kerajaan melalui Polis Di Raja Malaysia (PDRM) serta agensi penguatkuasa sedia ada sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara berada di dalam keadaan selamat dan bebas daripada ancaman keganasan di dalam mahupun luar negara.